

30 JAN 1999

Mahathir-Singapura

DR M YAKIN MASALAH DENGAN SINGAPURA AKAN DAPAT DISELESAIKAN

DAVOS, 30 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata beliau yakin bahawa apa yang dikatakan sebagai "masalah" antara Malaysia dan Singapura akan dapat diselesaikan untuk memberi faedah bersama kepada kedua-dua negara di masa depan.

Bercakap pada sesi "Soal & Jawab" selepas memberi ucapan pada majlis makan tengahari di sini Jumaat, beliau berkata kedua-dua negara sekarang sedang berusaha untuk menyelesaikan "masalah-masalah" itu.

Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew membuat kunjungan hormat ke atas Dr Mahathir pagi tadi. Kedua-dua pemimpin itu berada di sini untuk menghadiri mesyuarat tahunan Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Apabila ditanya apa yang berlaku pada pertemuan itu yang berlangsung selama lebih dari satu jam, Dr Mahathir berkata mereka tidak membincangkan mengenai "masalah-masalah" itu.

Beliau berkata: "Ia adalah satu pertemuan antara dua sahabat lama. Kami bercakap mengenai Malaysia, mengenai rantau itu dan perkara-perkara lain. Kami tidak membincangkan apa yang disebut sebagai masalah antara Malaysia dan Singapura."

"Masalah" itu dipercayai ia adalah mengenai isu-isu seperti lokasi kompleks Imigresen, Kastam dan Kurantin (IKK) Malaysia di Singapura, bekalan air kepada Singapura dari Malaysia, pembinaan jambatan baru ke Singapura dan operasi urusan antarabangsa Central Limit Order Book (Clob), sebuah pasaran saham tidak rasmi yang mengurusniaga saham-saham syarikat Malaysia di Singapura.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai "aktiviti pengadilan berprofil tinggi" semasa di Malaysia (jelas merujuk kepada kes perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan sama ada ia akan memberi kesan kepada aktiviti kewangan dan kepentingan pelaburan.

"Mungkin ia, mungkin tidak," kata Dr Mahathir dan menambah bahawa kes itu nampaknya "menarik minat yang agak lebih sedikit".

Dr Mahathir berkata hanya disebabkan seseorang itu berkedudukan tinggi, dia tidak terkecuali daripada undang-undang kerana Malaysia adalah negara berdemokrasi yang mematuhi undang-undang.

Katanya walaupun kes itu mungkin akan memberi kesan kepada imej negara, proses undang-undang perlu diteruskan.

"Kami tidak boleh mengatakan oleh kerana ia akan memberi kesan kepada ekonomi, kami tidak mempunyai masalah ini. Ini tidak adil untuk orang lain," katanya.

Dr Mahathir berkata masa akan menyelesaikan kes itu.

"Kami adalah orang yang agak sabar. Ia memerlukan masa untuk membangunkan negara dan setiap negara akan melalui beberapa krisis," katanya.

Katanya Malaysia telah mengalami krisis sebelum ini dan berjaya menyelesaikan dua darinya.

"Kami akan selesaikan yang ini," katanya.

Perdana Menteri juga ditanya mengenai kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan beliau berkata projek itu sedang berjalan lancar walaupun dengan krisis kewangan yang melanda negara sekarang.

Katanya kerajaan tidak mengurangkan peruntukan untuk pembangunan MSC.

Ditanya mengenai komitmen kerajaan untuk menjadikan Malaysia pusat kecermerlangan pendidikan, Dr Mahathir mengaku bahawa krisis kewangan telah menjejaskan pembiayaan untuk projek-projek kerjasama pendidikan tertentu

yang melibatkan institusi kerajaan.

Bagaimanapun, katanya pembiayaan akan disambung semula apabila krisis kewangan dapat di atasi.

Namunn begitu, katanya, bilangan pelajar asing di Malaysia telah meningkat.

Dr Mahathir juga ditanya mengenai cadangan sistem percukaian "pay as you earn" (PAYE) (potongan cukai dibuat pada pendapatan yang diperolehi sekarang) yang akan dilaksanakan tahun depan dan juga mengenai moratorium cukai 1999.

Beliau berkata nampaknya tidak ada cukai yang dapat dikutip tahun ini.

Beliau menjelaskan bahawa sistem percukaian yang ada sekarang diasaskan kepada mengutip cukai daripada pendapatan tahun sebelumnya dan ini bermakna kutipan cukai untuk tahun ini ialah untuk pendapatan tahun 1998.

Tetapi mulai tahun depan, ia akan menggunakan sistem PAYE.

"Nampaknya kami tidak akan membuat kutipan pada tahun 1999, tetapi, sebagaimana yang ada maklum, kerajaan tidak pernah leka untuk mengutip cukai," katanya.

Mengenai Asean, beliau berkata kebanyakan negara anggota masih yakin sepenuhnya dengan perkumpulan serantau itu walaupun krisis matawang kewangan memberi kesan ke atas mereka.

"Semangat Asean yang kukuh masih wujud," katanya dan menambah bahawa apabila negara-negara anggota Asean terkeluar dari krisis itu "kami akan menjadi lebih kuat."

Asean, katanya, tidak lama lagi akan mempunyai 10 anggota dengan memasukkan Kemboja.

Ketika menjawab soalan bagaimana krisis matawang memberi kesan kepada Malaysia, Dr Mahathir berkata ia telah memberi kesan kepada import barang-barang makanan dan barang-barang mewah dan juga keupayaan rakyat Malaysia untuk ke luar negara.

-- BERNAMA

SHY WAT